

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

RGW 344 - Perumahan Dan Pembangunan Komuniti I

Tarikh: 3 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Bezakan di antara keperluan perumahan dengan permintaan perumahan.

Apakah faktor-faktor yang memberi kesan kepada perubahan permintaan di dalam pasaran perumahan.

(25 markah)

2. Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan penghijrahan ke bandar dan kesan-kesannya terhadap masalah perumahan.

(25 markah)

3. Huraikan secara ringkas TIGA (3) daripada perkara berikut:

(a) Rumah kelompok (cluster)

(b) Rumah pangsa tinggi

(c) Rumah teres

(d) Rumah pasangsiap

(e) Kondominium

(25 markah)

...2/-

4. Pada awal tahun lapan puluhan di Malaysia, kerajaan telah mengenalpasti beberapa kelemahan di dalam industri perumahan.

- (a) Nyatakan kelemahan-kelemahan tersebut.
- (b) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengatasinya?

(25 markah)

5. Berasaskan lakaran tertentu, tunjukkan bagaimana kawasan komuniti dan perumahan khususnya kawasan kepadatan tinggi direkabentuk untuk mewujudkan kawasan yang sesuai untuk kediaman setelah mengambilkira perkara-perkara berikut:

- (a) Rangkaian jalanraya dan kebolehmasukan
- (b) Sistem pejalan kaki
- (c) Sistem pengangkutan awam
- (d) Sistem pengurangan konflik dan peningkatan piawaian persekitaran

(25 markah)

6. Daripada 265,500 unit rumah kos rendah yang dirancang di dalam Rancangan Malaysia Keempat, hanya 90,480 unit sahaja yang dapat dilaksanakan.

Nyatakan sebab-sebab ini terjadi dan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk menjayakan program perumahan ini di dalam Rancangan Malaysia Kelima?

(25 markah)